


LAPORAN Amir Abd Hamid, Suraya Roslan, Yasmizal Dolah Aling
dan Muhammad Saufi Hassan
am@hmetro.com.my

hmetro
29/8/17
mls 14

HARIAN METRO



MAYAT etnik Rohingya yang dibunuh tentera.



Tutup WhatsApp, media sosial

Kuala Lumpur: WhatsApp dan media sosial ditutup. Itu situasi terbaru berlaku di Rakhine selepas lebih 2,000 etnik Rohingya terkorban manakala 100 kampung terbakar berikutan operasi ketenteraan yang dilaksanakan kerajaan Myanmar membabitkan tiga wilayah di Rakhine.

Perkara itu disahkan penduduk Rakhine, Mohd Junaid Zafar Ahmed, 30, yang mendapat maklumat daripada rakan seegaranya yang berada di sempadan Myanmar-Bangladesh, semalam.

Katanya, ketika ini puluhan ribu kelompok minoriti Islam di Myanmar sedang melarikan diri untuk melintasi sempadan Bangladesh.

“Selepas rumah mereka dibakar dan ratusan dibunuh kini apa yang mereka hanya boleh lakukan adalah melarikan diri ke sempadan.”

“Namun nasib turut tidak menyebelahi mereka apabila tentera Bangladesh sedang mengawal sempadan dan menghalau mereka kembali ke Myanmar,” katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, ketika ini 50,000 etnik Rohingya yang dikategorikan sebagai pelarian kini berlindung di hutan dan ada juga yang menuju ke

sempadan Teknaf, Bangladesh untuk ke kem perlindungan di negara itu.

Junaid berkata, ketika ini kerajaan Myanmar menyebarkan propaganda menyatakkan semua etnik Rohingya yang dibunuh tentera berikutan mempunyai kaitan dengan penganas.

“Disebabkan itu, mereka menutup semua saluran seperti WhatsApp dan media sosial bagi membuktikan kami sebagai penganas. Tuduhan ini langsung tidak berasas,” katanya.

Sementara itu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Rohingya Women Development Network (RWDN) meminta masyarakat dunia tidak hanya melihat

dan segera bertindak untuk menyelamatkan etnik pelarian Rohingya yang tersepit dalam operasi ketenteraan terbaru junta tentera Myanmar di Rakhine.

Pengasasnya, Sharifah Shakirah Husain berkata, ribuan pelarian yang cuba melarikan diri gagal berbuat demikian berikutan tentera Bangladesh yang mengawal di sempadan Myanmar dan negara itu turut melarang etnik Rohingya itu melintasi sempadan.

Malah lebih malang, katanya, ramai pelarian ketakutan untuk menyelamatkan

diri ke Bangladesh disebabkan tentera negara itu melepaskan tembakan.

“Saya menerima laporan keadaan di sana amat teruk. Ramai yang cuba lari ke Bangladesh tetapi tak dapat sebab tentera negara itu pula melepaskan tembakan terhadap pelarian yang mahu melintasi sempadan.

“Banyak kampung yang dibakar dalam pertempuran antara tentera junta dan pejuang rakyat. Pelarian sudah buntu untuk memilih ke negara lebih selamat sebab kedatangan mereka juga tidak dialu-alukan negara jiran,” katanya.

Sehubungan itu, di RWDN beliau yang mewakili wanita Rohingya khususnya dan masyarakat etnik itu secara amnya meminta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menghantar pasukan pengaman.

Sebelum ini, PBB menyenaraikan Rohingya sebagai golongan masyarakat yang menerima penindasan paling buruk di dunia.

Penduduk Muslim Arakan dibunuh dan dihapuskan secara besar-besaran sejak Burma menceroboh Arakan pada 1784.

Mereka mahu menukar Arakan menjadi wilayah Buddha yang berpengaruh di Myanmar menyebabkan seramai 1.5 juta Muslim Rohingya dipaksa keluar dari tanah air mereka apabila junta tentera berkuasa sejak 1962.



OPERASI KETENTERAAN DI RAKHINE

BUNUHH BUDAK, WANITA

Kuala Lumpur

Pembunuhan kanak-kanak dan wanita. Itu antara sasaran utama tentera kerajaan Myanmar dalam operasi besar-besaran yang dilakukan di tiga wilayah utama di Rakhine, Myanmar sejak beberapa hari lalu.

Terkini, angka korban membabitkan etnik Rohingya dikatakan sudah mencecah lebih 2,000 orang yang kebanyakannya membabitkan wanita dan kanak-kanak.

Tambah menyedihkan, kanak-kanak bukan saja dibunuh dengan ditembak, seba-

liknya ada antara mereka yang disembelih hidup-hidup oleh pihak tentera dan kumpulan ekstremisme yang menyokong tindakan ketenteraan itu.

Sumber tempatan memaklumkan bahawa operasi ketenteraan berskala besar itu membabitkan tiga wilayah di Rakhine iaitu Maungdaw, Buthidaung dan Rathedaung.

“Tentera bertindak membakar rumah dan penempatan Rohingya di beberapa perkampungan di tiga wilayah ini, malah mereka turut bersama-sama dengan kumpulan ekstremisme Rakhine yang bersekongkol dalam

operasi itu. “Kekejaman banyak dilakukannya oleh kumpulan ekstremisme ini termasuk membunuh wanita, orang tua yang tidak berupaya dan kanak-kanak.

“Anggota kumpulan ekstremisme ini juga menyembelih kanak-kanak sebagai tanda penentangan terhadap etnik Rohingya di wilayah ini,” katanya.

Sumber itu memaklumkan bahawa kekejaman itu turut berlaku di beberapa perkampungan lain sehingga memaksa etnik Rohingya melarikan diri ke hutan dan sempadan Bangladesh.

FAKTA
Lebih 2,000 etnik Rohingya terkorban

>>Serangan tentera membabitkan 100
perkampungan di tiga wilayah Rakhine

HARIAN METRO

29-08-2017

setempat

15

Horizon metro -
29/8/17
ms 15 ms 15



PENDUDUK melarikan diri kerana takut menjadi mangsa kekejaman tentera.



Lari ke hutan selamatkan diri

Kuala Lumpur: “Sebelum ini kami hilang saudara-mara dan rumah, kali ini kami mungkin hilang negeri.

“Sejak dua hari lalu, tiada yang berani tinggal di rumah, semua lari ke hutan, gunung dan ke tempat selamat selepas serangan ke atas kampung di sekitar Arakan,” kata aktivis Rohingya, Ismail Mohd Ilias.

Katanya, serangan tanpa belas kasihan disasarkan kepada pelarian Rohingya disebabkan perselisihan antara puak Rakhine yang dikatakan berpunca daripada aktiviti perniagaan.

Beliau kehilangan adik, Saiful Islam, 18, dan dua lagi saudara berusia 17 dan 19 tahun yang ditembak di Kampung Gharifara dan Muloyjaga, Arakan kelmarin.

Katanya, berita sedih itu dimaklumkan ahli keluarga yang kini sedang dalam perjalanan menuju sempadan Bangladesh untuk cuba memasuki Kem Balukhali.

Menurutnya, keadaan sekitar Arakan kini bertukar

“

Tidak banyak yang dapat dikongsikan di media sosial kerana penduduk dalam keadaan begitu takut”

Ismail

wasan dikawal tentera, lebih ramai dibandingkan ketika krisis Oktober lalu.

“Penduduk di Arakan semuanya lari ke sempadan untuk menyeberang Sungai Naf ke Bangladesh. Tapi saya di maklumkan, mereka dipung tentera.

“Tidak banyak yang dapat dikongsikan di media sosial kerana penduduk dalam keadaan begitu takut dengan operasi ketenteraan di seluruh Arakan.

“Kemungkinan berlaku penghijrahan ke kawasan lain juga kerana tiada apa lagi yang tinggal di kampung dan jumlah mereka yang terbunuh juga semakin meningkat,” katanya kepada Harian Metro.



Kekejaman banyak dilakukan oleh kumpulan ekstremisme ini termasuk membunuh wanita, orang tua yang tidak berupaya dan kanak-kanak”

Ismail

etnik Rohingya sudah terkorban. Ada sumber kita mengatakan jumlah kematian sudah mencecah 2,000 orang.

“Serangan masih berlaku sehingga waktu ini (semalam). Berdasarkan data yang kita peroleh daripada orang perhubungan MAPIM di wilayah itu, lebih daripada 50,000 etnik Rohingya membabitkan tiga wilayah itu sudah melarikan diri,” katanya.

Katanya, MAPIM juga sudah mengaktifkan sumbangan dan orang ramai yang ingin menyalurkan bantuan boleh berbuat demikian menerusi akaun Baitul Rahmah - MAPIM 552095224432 (Maybank) atau ‘Rohingya Humanitarian Fund - MAPIM’ 02020010072272 (Bank Islam).

ANTARA penduduk yang menjadi mangsa kekejaman tentera Myanmar.



JARI mangsa turut dipotong tentera Myanmar.

tar Arakan kini bertukar menjadi medan perang dengan ada penduduk terbunuh semata-mata mempertahankan keluarga daripada ditembak.

Ismail yang menjadi tenaga pengajar di Baitul Rahmah MAPIM di Sungai Petani, Kedah berkata, kawasan kampung MyoThuGyi di Maungdaw antara yang terjejas teruk dengan seluruh ka-

tanya kepada Harian Metro. Sementara itu, aktivis Kesatuan Rohingya Arakan Ibrahim Ali berkata, pihaknya mengatut bantuan antarabangsa dengan segera untuk membantu mangsa terjejas.

Katanya, ia digerakkan sebaik serangan dilancarkan di Arakan dan bantuan menyeluruh diperlukan memandangkan jumlah mangsa yang terjejas begitu ramai.



WANITA Rohingya jadi sasaran utama.